

Amaran untuk akhbar Cina

BH 1 DEC 1990

KUALA LUMPUR, Jumaat —
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada akhbar-akhbar Cina yang terlalu ghairah mendokong konsep sistem dua parti, supaya "jangan bermain dengan api" apabila berkempen untuk parti lawan.

Presiden Umno berkata, akhbar terbabit tidak harus memikirkan bahawa sistem itu boleh membawa keadilan dan kebahagiaan kerana semua negara Barat yang mengamalkan sistem dua parti menghadapi pelbagai masalah.

"Janganlah fikir bahawa apa saja yang dibuat oleh orang kulit putih dari Barat adalah baik.

"Masa kita harus mendewakan mereka sudah lama berlalu. Sistem politik dan falsafah mereka pun tidak sesuai dengan masyarakat kita.

"Tidaklah dapat kita melihat bahawa sekarang mereka lebih kerap gagal daripada kita sendiri dan negara-negara Timur lain yang penduduknya berkulit kuning, sawo matang atau hitam," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar 95 minit pada Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Dengan meminta izin daripada perwakilan dan pemerhati untuk berucap dalam Bahasa Inggeris, Perdana Menteri menyoal akhbar-akhbar Cina berkenaan dalam nada yang serius:

"Saya ingin bertanya kepada akhbar-akhbar Cina, bilakah anda mahu menghapuskan sifat *inferiority complex*?"

"Berilah keyakinan kepada sistem pelbagai parti di Malaysia. Tidakkah anda melihat bahawa sistem itu memberi khidmat cukup baik kepada anda sejak kita merdeka?"